

07 JUL 1996

Anwar-Terharu

ANWAR TERHARU DAN MINTA ANGGOTA UMNO TERUS SOKONG DR MAHATHIR

Oleh: Wan A.Hulaimi

LONDON, 7 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini melahirkan rasa terharu dan terima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas kepercayaan yang ditunjukkan kepada beliau untuk meneruskan kepimpinan negara.

Anwar berharap dengan penjelasan Perdana Menteri itu akan padamlah kegelisahan yang dicetuskan oleh media dalam dan luar negara terhadap hubungan mereka berdua yang selama ini dianggap akrab.

"Saya juga berharap kenyataan Dr Mahathir dapat memadamkan spekulasi dalam parti dan membolehkan semua pihak menumpukan perhatian untuk terus membangunkan negara," katanya kepada wartawan Malaysia selepas pertemuan dengan ketua-ketua pertubuhan Islam di sini.

Beliau juga berharap anggota parti memberi sokongan yang berterusan kepada Dr Mahathir untuk memimpin negara dan parti.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Dr Mahathir, selaku Presiden UMNO, yang menafikan dakwaan kononnya penerimaan semula Presiden Parti Melayu Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah ke pangkuan UMNO bagi mengimbangi, melemah dan menghilangkan pengaruh Anwar dalam parti dan kerajaan.

Dr Mahathir juga menyatakan sokongan penuh beliau terhadap Anwar dan yakin Anwar akan mengambil alih kuasa mengikut tradisi UMNO.

Apabila ditanya mengapa masih ada golongan yang mempertikaikan hubungan beliau dengan Dr Mahathir, Anwar berkata: "Ini dibuat disebabkan sikap cemburu, hasrat tamak berkuasa...tetapi sayang ia cuba menggugat hubungan akrab kami berdua."

Anwar berkata Dr Mahathir sendiri pernah berkata ada pihak tertentu yang mempunyai agenda mereka sendiri.

"Saya sentiasa mendengar teguran dan saya yakin Perdana Menteri tahu pendirian saya. Saya tidak dapat melupakan jasa Dr Mahathir.

"Sebab itu saya rasa cukup baik Perdana Menteri membuat kenyataan itu," katanya.

Mengenai keputusan Majlis Tertinggi mengharamkan semua kempen menjelang pemilihan parti Oktober in, Anwar berkata ia satu keputusan yang baik.

Beliau kemudian berlepas ke Dublin untuk mengadakan perjumpaan dengan pelajar Malaysia serta beberapa pemimpin Ireland.

-- BERNAMA

WAH AKD